

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI HONG LEONG BANK BERHAD
(NO. PENDAFTARAN: 193401000023 (97141-X)) (SAMBUNGAN)**

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami adalah bebas dari Kumpulan dan Bank menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Pendekatan audit kami

Sebagai sebahagian daripada usaha pembentukan audit, kami telah menentukan kematangan dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Khususnya, di mana kami menganggap para Pengarah telah membuat pertimbangan subjektif, sebagai contoh, hal-hal berkenaan dengan anggaran perakaunan penting yang melibatkan pembuatan andaian dan mempertimbangkan peristiwa masa hadapan yang secara tidak menentu. Sebagaimana dalam semua urusan pengauditan kami, pertimbangan juga telah diberikan kepada risiko kuasa pembatalan pihak pengurusan ke atas kawalan dalaman, termasuk antara lain, pertimbangan sama ada terdapat bukti keberatsebelahan yang mewujudkan risiko salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan.

Kami telah membentuk skop pengauditan yang bertujuan melaksanakan kerja-kerja yang mencukupi bagi membolehkan kami memberi pendapat ke atas penyata kewangan secara keseluruhan, dengan mengambil kira struktur Kumpulan dan Bank, proses perakaunan dan kawalan, serta industri operasi Kumpulan dan Bank.

Perkara-perkara utama audit

Perkara-perkara utama audit, menurut pertimbangan profesional kami, adalah perkara-perkara yang paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun semasa. Perkara-perkara ini telah ditangani dalam konteks pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Bank secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami selanjutnya, dan kami tidak memberikan pendapat berasingan berhubung perkara-perkara ini.

Perkara utama audit	Bagaimana perkara utama audit ditangani dalam pengauditan kami
<p><u>Kemerosotan nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Bank.</u></p> <p>Rujuk kepada Nota N ringkasan polisi perakaunan penting, dan Nota-nota 8, 37 dan 56 penyata kewangan.</p> <p>Kami memberi tumpuan kepada bidang ini disebabkan oleh saiz nilai dibawa bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, yang mewakili masing-masing 65.0% dan 63.2% daripada jumlah aset Kumpulan dan Bank. Di samping itu, rosot nilai merupakan bidang yang sangat subjektif kerana Kumpulan membuat penilaian yang ketara ke atas perkara-perkara berikut:</p> <p><u>Pengenalpastian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Peringkat 2 dan Peringkat 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Penilaian bukti objektif rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berdasarkan pencetus obligasi dan pertimbangan untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Peringkat 3; dan Pengenalpastian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang telah mengalami peningkatan ketara dalam risiko kredit bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Peringkat 2 (termasuk peminjam yang meminta bantuan pembayaran disebabkan oleh COVID-19). <p><u>Penilaian individu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menganggarkan jumlah dan pemasaan aliran tunai masa depan berdasarkan realisasi cagaran. 	<p>Kami telah menguji pembentukan dan keberkesanan kawalan-kawalan utama ke atas rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Kawalan-kawalan ini merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengenalpastian pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang menunjukkan petunjuk rosot nilai atau pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang mengalami peningkatan risiko kredit yang ketara (termasuk peminjam yang meminta bantuan pembayaran disebabkan oleh COVID-19); Tadbir urus ke atas proses rosot nilai, termasuk pembangunan model, kelulusan model dan pengesahan model; Data yang digunakan untuk menentukan peruntukan kerugian kredit termasuk keseluruhan dan ketepatan input dan andaian utama ke dalam model ECL masing-masing; dan Kaji semula dan meluluskan pengiraan ECL. <p><u>Penilaian individu</u></p> <p>Di mana pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dinilai secara individu, kami melaksanakan prosedur-prosedur berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menguji sampel pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tertumpu kepada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dikenalpasti oleh Kumpulan dan Bank memandangkan kualiti kredit yang lebih rendah, penjadualan semula dan penstrukturan semula, para peminjam yang terlibat di dalam industri berisiko tinggi yang dipengaruhi oleh COVID-19, dan peminjam yang meminta bantuan pembayaran disebabkan oleh COVID-19, dan membentuk pertimbangan sendiri sama ada terdapat kenaikan risiko kredit yang ketara atau sebarang bukti rosot nilai yang objektif; dan Sekiranya bukti objektif rosot nilai dikenalpasti dan kerugian rosot nilai dikira secara individu, kami menguji kedua-dua kuantum dan pemasaan aliran tunai masa depan yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank dalam pengiraan kerugian rosot nilai, mencabar andaian-andaian dan membandingkan anggaran terhadap bukti luar sekiranya ada. Pengiraan aliran tunai diskaun juga dilakukan semula.

Perkara utama audit	Bagaimana perkara utama audit ditangani dalam pengauditan kami
<p><u>Penilaian kolektif</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pemilihan model penilaian kolektif yang sesuai untuk mengira ECL. Model-model tersebut adalah rumit dan pertimbangan digunakan dalam menentukan model pembentukan yang sesuai; Andaian yang digunakan dalam model ECL seperti aliran tunai masa hadapan yang dijangkakan, faktor makroekonomi masa depan, kebarangkalian berlawanan beberapa senario dan pelarasan tindakan model dibuat, dengan mengambilkira ketidakpastian ekonomi yang timbul daripada COVID-19 yang mungkin memberi kesan kepada ECL masa depan. 	<p><u>Penilaian kolektif</u></p> <p>Untuk menentukan kesesuaian model penilaian kolektif ECL MFRS 9 yang dilaksanakan oleh Kumpulan dan Bank, kami telah melakukan prosedur berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menilai metodologi yang terdapat dalam model penilaian kolektif ECL yang digunakan terhadap keperluan MFRS 9, termasuk asas yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank untuk menentukan andaian utama yang digunakan dalam model ECL masing-masing; Menilai dan menguji andaian pemodelan yang penting, termasuk asas atau pertimbangan yang digunakan bagi kaedah tindakan pengurusan; Menilai dan mempertimbangkan kemunasabahan ramalan andaian masa hadapan dengan mengambilkira ketidakpastian ekonomi yang timbul daripada COVID-19; Menilai dan menguji pengenalan dan pengiraan pelarasan tindakan model ke ECL kerana kesan COVID-19; dan Menguji ketepatan input data yang digunakan dalam model ECL dan memeriksa pengiraan jumlah ECL, berdasarkan sampel. <p>Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, hasil keputusan ujian bebas kami tidak jauh berbeza berbanding dengan anggaran penilaian rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan dan Bank.</p>

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Bank bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain mengandungi laporan tahunan Kumpulan dan Bank dan tidak termasuk penyata kewangan bagi Kumpulan dan Bank dan laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak meliputi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dengan berbuat sedemikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Bank atau pengetahuan yang kami peroleh daripada audit, atau sebaliknya ianya muncul sebagai salah nyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang kami laksanakan di mana kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat lain tersebut, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Sehubungan ini, kami tidak mempunyai sebarang laporan.

Tanggungjawab para Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Bank bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank agar memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman tertentu yang dianggap perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Bank untuk beroperasi secara berterusan, mendedahkan, kalau berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan dasar perakaunan usaha berterusan, melainkannya para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Bank atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Tanggungjawab juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan

Matlamat kami adalah untuk memperoleh jaminan yang wajar terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna laporan kewangan berdasarkan penyata kewangan ini.

Tanggungjawab juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian audit yang menurut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit untuk menghadapi risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas kepada pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan kesilapan, kerana penipuan boleh melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, kekeliruan, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang berpatutan mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan untuk memberi pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Bank.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang telah dibuat oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang telah diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan dan Bank untuk meneruskan operasi secara berterusan wujud. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk menyerlahkan pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank, atau sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah suai pendapat kami di dalam laporan juruaudit. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan atau Bank menamatkan operasi secara usaha berterusan.
- Menilai prestasi keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Bank mewakili urus niaga dasar dan peristiwa-peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.
- Memperolehi bukti audit yang mencukupi berkaitan dengan maklumat kewangan oleh entiti atau aktiviti perniagaan di antara Kumpulan untuk menyatakan pendapat terhadap penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab bagi arah tuju, penyeliaan dan prestasi pengauditan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah, antara yang lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh audit dan penemuan audit penting, termasuk kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah dikenalpasti semasa pengauditan kami.

Kami juga menyediakan kenyataan kepada para Pengarah bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan berkomunikasi dengan mereka mengenai kesemua hubungan dan perkara-perkara lain yang dengan munasabahnyanya boleh dianggap berhubung dengan kebebasan kami, dan di mana berkenaan, tindakan yang telah diambil untuk menghapuskan ancaman atau perlindungan yang telah disediakan.

Daripada perkara-perkara yang telah dikomunikasikan dengan para Pengarah, kami menentukan perkara-perkara yang dianggap paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun semasa dan maka itu perkara utama audit. Kami telah menghuraikan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami kecuali jika undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan umum mengenai sesuatu perkara atau apabila, dalam keadaan yang jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara itu tidak perlu dilaporkan dalam laporan kami kerana kesan buruk daripada perbuatan sedemikian dengan munasabahnyanya dijangka lebih ketara daripada manfaat kepentingan awam.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami melaporkan semua syarikat subsidiari yang kami tidak audit, sepertimana yang dinyatakan dalam Nota 13 penyata kewangan.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini disediakan khas untuk ahli-ahli Bank, sebagai satu badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

Selain daripada nota-nota penyata kewangan yang tidak diterbitkan dalam surat khabar, penyata kewangan yang dilaporkan di sini adalah serupa dengan semua aspek yang ketara yang telah kami laporkan.

Justeru itu, untuk mendapat pemahaman yang lebih wajar tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 30 Jun 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, rujukan harus dibuat kepada penyata kewangan berkanun Hong Leong Bank Berhad bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021, di mana konteks laporan kami telah dibuat pada 14 September 2021.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan-akauntan Bertauliah

ONG CHING CHUAN
02907/11/2021 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
14 September 2021